

Kesan Jangkaan Kenaikan Paras Air Laut di Kuala Selangor

Umi Amira Jamaluddin (P75005)

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI),
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

E-mel: umiamirajs@gmail.com

Pernyataan Masalah: Kenaikan paras air laut merupakan ancaman kepada zon pesisir pantai yang merupakan kawasan yang mempunyai populasi yang padat, kegiatan ekonomi yang aktif, serta ekosistem yang penting seperti kawasan pertanian, perikanan dan akuakultur, dan habitat haiwan liar. Antara impak utama kenaikan paras air laut terhadap sistem semula jadi di kawasan pesisir pantai adalah (i) inondasi atau banjir pantai; (ii) perubahan tanah lembap; (iii) hakisan; (iv) intrusi air masin terhadap air permukaan dan air tanah; dan (v) peningkatan aras air (water table). Impak-impak fizikal ini kemudiannya akan menjejaskan pelbagai sektor sosioekonomi secara langsung dan tidak langsung seperti sumber air bersih, pertanian dan perhutanan, perikanan dan akuakultur, kesihatan, rekreasi dan pelancongan, biodiversiti, serta penempatan dan infrastruktur.

Objektif: Kawasan yang berpotensi terjejas di Kuala Selangor perlu dikenal pasti memandangkan terletaknya kawasan pertanian padi yang subur yang merupakan antara pengeluar beras utama di Malaysia.

Metodologi: Menggunakan perisian Sistem Maklumat Geografi (GIS), analisis guna tanah yang berpotensi dinaiki air kesan daripada kenaikan paras air laut dikenal pasti. Analisis ini dijalankan dengan mengambil kira kenaikan paras air laut sebanyak 0.5 m dan 1 m berpandukan unjuran kenaikan paras air laut di kawasan kajian. Kawasan yang berpotensi terjejas dikelaskan berdasarkan kategori guna tanah. Aktiviti dan pembangunan guna tanah pada masa hadapan perlu mengambil kira kawasan yang berpotensi dinaiki air. Langkah-langkah adaptasi terhadap kenaikan paras air laut dapat dijalankan dengan lebih terfokus dalam memelihara sumber semula jadi pesisir pantai.